KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	03.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN			

Penduduk ketakutan bimbang diserang pak belang

KEMAMAN - Penduduk di Kampung Chabang, Kerteh di sini diselubungi ketakutan kerana bimbang diserang pak belang yang dikesan berlegar di kawasan sekitar kampung itu.

Keadaan itu menyebabkan mata pencarian terjejas kerana ada antara mereka tidak keluar ke kebun sejak kira-kira tiga minggu lalu selepas berlaku kes serangan ke atas haiwan ternakan penduduk di kawasan itu awal Januari lalu.

Penduduk, Ab Rahim Mat Akil, 60, berkata, rata-rata penduduk sudah tidak masuk ke kebun sehingga lewat petang malah ada yang terus meninggalkan kebun dan tidak duduk di pondok kerana bimbang ancaman harimau.



Keadaan kawasan kebun yang lengang sejak ternakan di Kampung Chabang, Kerteh di Kemaman diancam harimau tiga minggu lalu.

Bagaimanapun, Ab Rahim berkata, dia terpaksa juga memberanikan diri ke kebun durianmya yang terletak tiga kilometer (km) dari rumah kerana bimbang tanaman itu musnah berikutan keadaan cuaca yang panas dan tidak menentu buat masa ini.



AB RAHIM

"Sudah tiga minggu ada kesan harimau belang dilihat di kawasan berhampiran kampung ini menyebabkan kebanyakan penduduk hidup dalam ketakutan.

"Sebelum ini, selepas waktu Asar saya masih berani turun ke kebun, sekarang saya sudah tidak berani. Biasanya saya akan ke kebun jam 9 pagi dan pulang ke rumah sekitar 12 tengah hari," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kg Chabang, Yusof Ghani, 58, berkata, penduduk kampung itu kini berdepan ancaman harimau selepas ternakan penduduk yang terletak 500 meter dari kawasan mereka tinggal dibaham harimau.

Katanya, terbaru ada penduduk mendakwa terserempak dengan harimau belang kira-kira 100 meter daripada kawasan rekreasi di Hutan Lipur Air Terjun Menderu di kampung itu pada petang Sabtu lalu.

"Selepas kejadian terserempak harimau, malam itu anjing peliharaan penternak di kawasan kampung pula ditemukan mati dengan kesan gigitan pada bahagian badan," katanya.

Menurut Yusof, keadaan itu menyebabkan kawasan air terjun itu telah ditutup sejak Selasa lalu kerana terdapat kesan tapak harimau sebesar enam inci di kawasan sekitar.

"Biasanya harimau akan aktif memburu pada waktu pagi, petang atau malam. Kita percaya harimau yang berkeliaran ini dua beranak di mana ibunya dianggarkan seberat 100 kilogram dengan ketinggian 1.06 meter," katanya.

Menurut Yusof, setakat ini belum ada sebarang petanda menunjukkan harimau itu mendekati jerat yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sejak dua minggu lalu.

"Kes serangan harimau terhadap ternakan di kawasan ini sudah biasa berlaku di kampung ini dan kawasan sekitar namun biasanya harimau ini adan beredar daripada kawasan ini setelah mendapat hasil tangkapan.

"Tetapi, kali ini sudah masuk tiga minggu kesan harimau ini masih lagi dilihat ada di kawasan ini. Lebih-lebih lagi apabila harimau ini dilihat berada berdekatan dengan kawasan rekreasi yang dikunjungi orang ramai di kampung ini," katanya.